

29/01/1997

Tiada alasan peniaga naikkan harga

SUNGAI PETANI, Selasa - Peniaga di Langkawi diberi amaran supaya tidak menjadikan alasan barang keperluan tidak mencukupi untuk menaikkan harga makanan dan minuman sepanjang cuti panjang musim perayaan, bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Awam dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Datuk Beh Heng Seong, berkata alasan seumpama itu seperti yang dilakukan peniaga untuk menaikkan harga makanan dan minuman di pulau peranginan itu pada musim perayaan tahun lalu, tidak boleh lagi diterima.

"Ini kerana Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menyediakan bekalan makanan seperti ikan, ayam dan sayur-sayuran secukupnya bagi musim perayaan berkembar tahun ini," katanya.

Beliau berkata, Fama menyimpan 10 metrik tan bekalan ikan, sayur-sayuran (10 metrik tan) dan ayam di dalam bilik sejuk yang disediakan di pulau itu, khususnya untuk kegunaan musim perayaan.

Manakala pemeriksaan pegawai penguatkuasa perdagangan di restoran dan hotel di pulau itu mendapati mereka menyediakan bekalan daging yang cukup bagi kegunaan musim perayaan.

"Sementara itu, sebuah feri kargo disediakan setiap hari pada musim perayaan Aidilfitri dan Tahun Baru Cina bagi mengangkut barang keperluan dari tanah besar," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan peniaga di Kelab Cinta Sayang di sini, hari ini.

Kira-kira 60 pemilik dan wakil pasar raya serta gudang perniagaan di bandar ini dan Alor Star menghadiri perjumpaan itu.

Beh yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna negeri, berkata pihaknya tidak mahu peniaga di pulau itu mengambil kesempatan kedatangan ramai pelancong sempena musim perayaan itu, untuk menaikkan harga makanan dan minuman.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah beberapa kali melahirkan rasa kecewa atas sikap peniaga di situ yang sering mengambil kesempatan menaikkan harga makanan dan kadar sewa kereta apabila ramai pelancong datang ke pulau itu.

(END)